

29 OCT 2003

Hadi-Hudud

PELAKSANAAN HUDUD TIDAK MENYALAHAI PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, KATA HADI

KUALA TERENGGANU, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan Negeri Terengganu pimpinan Pas mendakwa tindakan mereka melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 tidak menyalahi Perlembagaan Persekutuan.

Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata ini kerana tindakan itu adalah selaras dengan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Agama Islam ialah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

"Dengan peruntukan itu, kerajaan negeri Terengganu berpendirian bahawa adalah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan enakmen itu yang telah diluluskan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 8 Julai 2002 dan telah mendapat perkenan Tuanku Al-Sultan, Sultan Mizan Zainal Abidin pada 2 Sept 2002," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Kerajaan Negeri Terengganu telahewartakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002, berkuatkuasa Isnin lepas (27 Okt).

Hadi yang juga Presiden Pas berkata penguatkuasaan atau pelaksanaan enakmen itu adalah bagi membuktikan bahawa undang-undang Islam adalah bebas dan bersih daripada sebarang unsur kezaliman untuk seluruh manusia kerana ianya datang daripada Allah SWT.

Menurut beliau, dengan bidang kuasa yang ada, kerajaan negeri mahu melaksanakan undang-undang syariah.

"Kalau dilihat kepada Perlembagaan Negara, ia telah mengalami pindaan berkali-kali malah berpuluh kali. Mengapa tidak boleh buat pindaan dalam perkara wajib daripada segi agama bagi melaksanakan syariat Allah kepada orang Islam.

"Undang-undang kesalahan jenayah ini ialah undang-undang bagi orang Islam sahaja. Orang bukan Islam tidak diwajibkan dan mereka tidak perlu bimbang," katanya.

Hadi berkata sebelum enakmen itu dibahaskan di Dewan Undangan Negeri, ianya telahpun dikemukakan kepada umum dan selepas diluluskan di dewan ianya masih lagi menerima pandangan daripada semua pihak.

Menurut beliau, pindaan yang dilakukan hanyalah bersabit kepada prosedur biasa yang berkait dengan keterangan, saksi dan sebagainya, yang tidak berdasarkan kepada nas dan qati dan boleh berkembang mengikut perkembangan semasa.

"Kerajaan negeri juga berharap supaya sesetengah pihak di negara ini tidak mengikut rentak barat dan golongan anti Islam yang sentiasa mencari ruang untuk memburukkan dan menyerang Islam melalui pelaksanaan syariat Allah SWT ini," katanya.

Hadi berkata Kerajaan Negeri juga mengambil sikap positif dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad yang telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

"Dengan pengisytiharan itu, bermakna Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M merupakan kemuncak penghargaan dan sanjungan daripada Kerajaan Negeri kepada beliau (Dr Mahathir) yang akan bersara pada 31 Okt ini, di samping ucapan tahniah atas kejayaan negara semasa di bawah pimpinan beliau dipilih sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)," katanya.

-- BERNAMA
HIS ERE PR